

Tuduhan Anwar terhadap SPR tanpa fakta jelas, kata Abdul Aziz
Malaysian Insider
08 Oktober, 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis

PUTRAJAYA, 8 Okt — Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hari ini menjawab segala dakwaan dan persoalan yang dilemparkan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada badan pelaksana pilihan raya itu berhubung sistem daftar pemilih di negara ini yang dikatakan tidak bersih.

Pengerusinya, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof dalam sidang media di Ibu Pejabat SPR di sini menegaskan, kenyataan Anwar yang dikeluarkan dalam akhbar Suara Keadilan sebelum ini tidak menggunakan "fakta statistik yang jelas" dan SPR juga tidak pasti statistik apa yang digunakan ahli parlimen Permatang Pauh itu.

"Berdasarkan laporan akhbar Suara Keadilan itu, Anwar Ibrahim membuat pelbagai dakwaan dengan menggunakan statistik terhadap Daftar Pemilih SPR.

"Namun semakan SPR mendapati, fakta di sebalik statistik itu tidak benar malahan tidak jelas beliau merujuk kepada statistik yang mana," kata Abdul Aziz kepada pemberita.

Dalam sidang media hampir satu jam itu juga, Abdul Aziz turut menasihati mana-mana parti politik dan juga badan bukan kerajaan agar tidak membuat pelbagai dakwaan mengenai Daftar Pemilih SPR untuk tujuan kepentingan politik semata-mata.

"SPR juga amat berharap, mana-mana pihak yang mencurigai sesuatu rekod pemilih boleh berhubung terus dengan SPR sama ada di Ibu Pejabat SPR di Putrajaya ataupun dengan Pejabat-Pejabat Pilihan Negeri dan bukannya mengeluarkan kenyataan melalui akhbar ataupun melalui blog," katanya lagi.

"Ini kerana, jika benar dakwaan yang dibuat, SPR akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap rekod pemilih itu berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang ada," katanya dan menambah "kami kecewa maklumat-maklumat itu biasanya tidak benar, kemudian dikeluarkan kepada media, tapi tidak kepada SPR.

"Mereka macam takut untuk datang kepada SPR, (sedangkan) pintu kami sentiasa terbuka," tegas Abdul Aziz.

Jelasnya lagi, SPR juga tiada sebarang agenda politik, tetapi sekadar "menyatakan fakta" dan turut mengalu-alukan saranan dan idea daripada mana-mana pihak termasuk parti politik mahupun NGO.

"Kami alu-alukan idea dan saranan daripada mana-mana pihak, politik, mahupun NGO yang ikhlas membantu SPR.

"SPR tidak sempurna, kami sedia terima idea atau cadangan untuk tingkatkan sistem kami menjadi lebih baik.

Anwar sebelum ini pernah membangkitkan beberapa dakwaan dan keraguan terhadap sistem daftar pemilih yang mana antaranya adalah; 77,246 nama pengundi baru tidak ada dalam daftar PRU12, dan 304,136 pemilih pos yang nombor kad pengenalan tidak sepadan dan janggal tarikh permohonannya.

Ketika sidang media hari ini, Abdul Aziz juga memohon supaya Anwar dapat memperincikan senarai 77,246 pemilih itu.

"Bagi membolehkan SPR membuat semakan kepada fakta angka itu, SPR memohon supaya Anwar dapat memperincikan senarai 77,246 pemilih itu," katanya.

Jelas Abdul Aziz lagi, sehingga Suku Tahun 2/2012 hanya terdapat 274,247 Pemilih Tidak Hadir (PTH) dalam Daftar Pemilih SPR yang terdiri daripada anggota tentera (161,756), anggota polis (110,055) dan luar negara (2,436).

"Ini bermakna fakta angka 304,136 pemilih pos yang dikatakan oleh Anwar itu adalah tidak tepat.

"Oleh itu, SPR sekali lagi memohon kepada Anwar untuk menyatakan butiran terperinci mengenai perkara itu dan Daftar pemilih mana yang digunakan semasa membuat semakan itu," katanya.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tuduhan-anwar-terhadap-spr-tanpa-fakta-jelas-kata-abdul-aziz/>